

Hubungan Sosial Warga Tua dengan Pasangan Data Mikro daripada Limbongan, Kelantan

WAN IBRAHIM WAN AHMAD
ZAINAB ISMAIL

Abstrak

Kini semakin ramai penduduk yang boleh hidup mencapai umur tua. Apabila seseorang hidup mencapai umur tua, isu hubungan dengan pasangan menjadi satu isu menarik untuk dibincangkan. Artikel ini bertujuan menganalisis hubungan antara warga tua dengan pasangan mereka. Dengan menggunakan data yang diperoleh daripada temu bual bersemuka ke atas 214 orang warga tua berumur 60 tahun dan lebih di kawasan desa Kelantan, kajian ini telah menyelidiki bentuk hubungan, keharmonian hubungan, intimasi, keakraban, dan persefahaman antara warga tua dengan pasangan. Hasil kajian menunjukkan; (a) lebih separuh warga tua merasakan keputusan penting keluarga merupakan tugas bersama, kerja di luar rumah ialah tanggungjawab suami, sementara kerja dalam rumah merupakan tanggungjawab isteri; (b) hubungan warga tua dengan pasangan adalah harmoni, saling mempercayai, saling mengambil tahu, boleh bertolak ansur, serta tidak ada konflik; (c) intimasi antara warga tua dengan pasangan adalah tinggi; (d) sebanyak 53.8 peratus warga tua melaporkan hubungan mereka akrab, dan 46.2 peratus sangat akrab; dan (e) tidak ramai warga tua yang melaporkan tidak wujud persefahaman antara mereka dengan pasangan. Oleh yang demikian, semakin tua seseorang semakin akrab orang tersebut dengan pasangan.

Kata kunci: *Warga tua, hubungan sosial, kualiti hubungan.*

Abstract

Nowadays more and more people can reach old age. When individuals reaching old age, issues of relationship with their spouses is particularly important to be discussed. This article aims at discussing the relationship between the elderly people with their spouses. Utilizing data from a face-to-face interview with 214 Malay residents in rural Kelantan aged 60 years and older, this study investigated patterns, harmonious relationship, intimacy, closeness, as well as understanding between them. Results revealed that, (a) more than half of the elderly felt that any important decision is a family decision; works outside the

house are husbands' responsibility whereas house chores are the responsibility of the wives; (b) they have a harmonious relationship, having a mutual understanding, caring and compromising, as well as no conflict arises; (c) they have a deep intimacy between them; (d) 53.8 percent of the respondents said they have a very close relationship, while another 46.2 percent have an intimate relationship; and (e) not many elderly couples reported that they do not have an understanding. It can be concluded that as someone gets older, they will likely to have a more intimate relationship with their other half.

Keywords: *Elderly, social relationships, quality of relationships.*

Pendahuluan

Sejak dekad pertengahan 1980-an hingga kini banyak kajian dan tulisan akademik tentang warga tua berjaya dibincang dan diterbitkan dalam pelbagai penulisan (lihat umpamanya: Jariah, Sharifah dan Tengku Aizan, 2006; Ng dan Tey, 2006; dan Sharifah Azizah, Nurizan, Laily, Tengku Aizan, Zumilah, Ma'rof, Sharifah Norazizan dan Asnarulkhadi, 2006; Masitah dan Nazileh, 1988; Pala, 1998; 2005; Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2006; 2007; Wan Ibrahim et al. 2003; 2008; 2009 – sekadar beberapa nama). Walaupun pelbagai maklumat tentang warga tua hasil kajian tersebut dapat didokumentasikan, tetapi beberapa persoalan berkaitan hubungan antara warga tua dengan pasangan masih belum diteroka sepenuhnya. Penyelidikan tentang hubungan antara warga tua dengan pasangan dalam konteks Malaysia masih boleh dikatakan belum meluas.

Anggapan umum dalam masyarakat ialah seseorang yang semakin tua akan semakin akrab dengan pasangan mereka. Jawapan kepada persoalan seperti ini menjadi tidak mudah. Sehingga kini tidak banyak yang dapat diketahui tentang hakikat hubungan antara warga tua dengan pasangan mereka di Malaysia. Apakah bentuk atau pola hubungan antara dua individu ini dalam masyarakat Melayu? Bagaimanakah kualiti hubungan antara warga tua dengan pasangan mereka dalam konteks masyarakat desa di Malaysia? Adakah hubungan suami isteri ini harmoni? Adakah mereka boleh dikatakan akrab antara satu dengan lain? Adakah wujud persefahaman antara mereka dalam rumah tangga? Tidak ada kajian sebelum ini yang cuba menganalisis persoalan ini, justeru makalah ini cuba meneroka persoalan ini dengan memberi tumpuan khusus kepada warga tua yang tinggal di daerah Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan.

Warga tua ialah satu kategori penduduk yang berada pada peringkat akhir dalam kitaran hidup. Warga tua ini dikategorikan sebagai mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas. Walaupun terdapat pelbagai ukuran untuk mendefinisikan warga tua, namun ukuran umur secara kronologi yang banyak

digunakan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga menggunakan ukuran umur secara kronologi untuk mendefinisikan warga tua. Akan tetapi ada juga negara yang menggunakan umur 65 tahun dan lebih sebagai kategori warga tua. Batas umur ini, sama ada 60 atau 65, kedua-duanya boleh diterima guna sebagai merujuk kepada warga tua.

Dunia sekarang sedang berhadapan dengan fenomena penuaan penduduk. Dalam konteks demografi fenomena ini dikatakan sebagai satu fenomena baharu kerana sebelum ini, terutama sebelum abad ke-20 pertambahan kategori penduduk ini dalam mana-mana masyarakat adalah tidak ketara. Pada permulaan abad ke-20 pertambahan warga tua hanya dirasai oleh negara maju. Sekarang ini semua masyarakat di dunia, di negara maju atau membangun, sedang menyaksikan pertumbuhan warga tua dalam struktur penduduknya. Kinsella dan Taeuber menyatakan setiap bulan dunia mendapat pertambahan bersih penduduk berumur 65 tahun dan lebih sebanyak 800 ribu orang, malah pada 2010 pertambahan bersih ini berlipat ganda menjadi 1.1 juta sebulan dengan pertumbuhan yang paling ketara ialah di negara membangun (Wan Ibrahim dan Zainab, 2006). Pada tahun 1980 kategori penduduk ini berjumlah 264 juta orang dan dijangka bertambah kepada 828 juta orang dalam tahun 2025, dengan pertambahan sebanyak tiga kali ganda (PBB, 1991). Berdasarkan jangkaan ini, pada 2025, bagi setiap tujuh penduduk dunia terdapat seorang warga tua berumur 65 tahun dan lebih (Myers, 1990).

Ahli gerontologi menganggap abad ke-21 ialah abad warga tua disebabkan kategori penduduk ini menjadi satu kategori yang besar dalam struktur penduduk semua negara. Pada abad ke-21 ini juga, warga tua bukan sahaja besar dari segi jumlah, pertambahannya juga adalah paling cepat dalam sejarah demografi. Tidak ada mana-mana masa sebelum abad ini menyaksikan pertambahan warga tua sebesar dan secepat abad ini. Sebelum abad ke-20, tidak banyak penduduk suatu masyarakat mencapai umur tua kerana mereka meninggal pada umur dalam lingkungan 40 tahun. Pada hari ini, kebanyakan masyarakat boleh hidup selesa dan dapat berfungsi dengan baik biarpun umur mencapai 90 tahun atau lebih. Peralihan demografi yang terjadi di negara maju dan sekarang turut berlaku di kebanyakan negara membangun menjadikan penduduk tua bertambah. Peralihan demografi ialah satu istilah dalam demografi yang merujuk kepada peralihan atau penurunan daripada kadar kematian dan kadar kelahiran yang tinggi kepada kadar kematian dan kadar kelahiran yang rendah. Apabila kadar kematian dan kadar kelahiran menurun, maka jumlah penduduk muda dalam struktur penduduk berkurangan, dengan itu nisbah warga tua dalam masyarakat bertambah.

Teknologi perubatan moden yang boleh menyembuhkan banyak penyakit berjangkit yang mematikan, turut menjadikan umur penduduk semakin panjang. Jumlah warga tua di negara maju lebih banyak disebabkan peralihan

demografi dan kemajuan dalam bidang teknologi moden lebih dahulu terjadi di sana. Umur penduduk di negara maju adalah lebih panjang berbanding umur penduduk negara membangun. Semakin maju suatu negara semakin panjang umur penduduknya dan semakin besar nisbah warga tuanya. Nisbah warga tua dalam struktur penduduk semua negara semakin bertambah disebabkan semua negara sedang menuju untuk menjadi negara maju. Jadual 1 memuatkan arah aliran pertambahan penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dunia dari tahun 1950 – 2025.

Jadual 1

Taburan Penduduk 65 tahun dan Lebih di Dunia: 1950 – 2025 (000)

Tahun	Dunia		Negara Maju		Negara Membangun	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1950	127,808	5.1	63,566	7.6	64,242	3.8
1960	16,067	5.3	80,250	8.5	79,817	3.8
1970	200,137	5.4	101,007	9.6	99,120	3.7
1980	263,986	5.9	130,858	11.5	133,129	4.0
1990	327,633	6.2	145,614	12.1	182,018	4.5
2000	424,516	6.8	172,820	13.7	251,696	5.0
2005	475,952	7.1	185,644	14.4	290,319	5.3
2015	597,804	7.8	210,735	15.9	387,136	6.1
2025	828,164	9.7	257,028	19.0	571,136	8.0

Sumber. Population Ageing in Asia, Asian Population Studies Series No. 108, PBB, 1991

Walaupun peratusan penduduk tua lebih besar di negara maju, tetapi dari segi jumlahnya, negara membangun menampung sebahagian besar penduduk tua dunia. Dalam tahun 2000, terdapat kira-kira 418 juta orang penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dunia (PBB, 2001). Daripada jumlah ini, kira-kira 60% tinggal di negara membangun, sementara 40% sahaja kategori penduduk ini tinggal di negara maju. Asia merupakan kawasan yang paling banyak menampung penduduk tua ini, melebihi 50%. Asia juga merupakan tempat tinggal sebahagian besar warga tua pada 2025, malah peratusan ini mencapai 62.1% pada tahun 2050 (Jadual 2).

Dalam konteks dunia, dari segi jumlah, sejak tahun 1950 lagi sejumlah besar penduduk tua berada di negara membangun. Jumlah penduduk tua dalam masyarakat maju terus menurun sedangkan dalam masyarakat membangun, jumlah ini semakin meningkat dan pada tahun 2050 dijangkakan 78.3% daripada keseluruhan penduduk tua dunia akan berada di negara membangun. Asia merupakan tempat tinggal sebahagian besar penduduk tua. Pada tahun

2000, lebih separuh (51.6%) penduduk berumur 65 tahun dan lebih ini berada di Asia dengan Asia Timur merupakan kawasan paling banyak menampung penduduk tua ini di Asia. Asia juga merupakan kawasan di dunia yang menampung penduduk tua paling banyak sejak 1950 lagi dan pada tahun 2050 Asia dijangka menampung lebih daripada 60% penduduk berumur 65 tahun dan lebih. Kawasan lain seperti Afrika, Eropah, Asia Tenggara, Asia Barat, Amerika Utara, Amerika Latin dan Oceania pada umumnya mempunyai jumlah penduduk tua yang lebih kecil (Jadual 2).

Jadual 2

Taburan Penduduk 65 Tahun dan Lebih mengikut Kawasan (1950 – 2050)

Kawasan Dunia	1950	1975	2000	2025	2050
Negara Maju	49.0	48.7	40.7	31.5	21.7
Negara Membangun	51.0	51.3	59.3	68.5	78.3
Afrika	5.5	5.4	6.2	6.8	9.4
Eropah	34.4	33.5	25.6	17.8	12.1
Asia	43.9	43.6	51.6	57.9	62.1
Asia Timur	22.9	22.4	27.4	29.6	27.0
Asia Tenggara	5.2	4.9	5.8	7.0	8.8
Asia Selatan	14.2	14.4	16.2	18.7	22.9
Asia Barat	1.7	1.8	2.1	2.6	3.3
Amerika Utara	10.8	10.8	9.3	8.7	6.4
Amerika Latin	4.7	6.0	6.7	8.1	9.4
Oceania	0.7	0.7	0.7	0.7	0.6

Sumber: PBB. *World Population Prospects: The 2000 Revision, Vol. 1: Comprehensive Table*. New York: United Nations Pub. Sale No. E.01.XIII.8 (Ogawa, 2003).

Pasangan: Sumber Hubungan Sosial Warga Tua

Apabila seseorang memasuki usia tua, terutama memasuki usia bersara, bagi mereka yang pernah bekerja dalam sektor awam akan kehilangan banyak sumber jaringan sosial. Apabila mereka ini mencapai umur yang terlalu tua, sumber hubungan sosial mereka hanya terbatas kepada pasangan, anak-anak termasuk sanak saudara, serta jiran terdekat. Hubungan sosial dimaksudkan sebagai hubungan antara warga tua dengan pasangannya. Hubungan sosial merupakan hubungan timbal-balik individu dengan individu dan terjadi apabila individu itu berinteraksi dengan individu yang lain (Atchley, 1988). Ting Chew Peh (1988) menyatakan hubungan sosial ini melibatkan dua atau lebih individu atau kelompok yang melibatkan tindakan saling balas membalas tingkah laku untuk saling pengaruh mempengaruhi individu lain. Semasa mengadakan hubungan sosial, wujud saling jangkaan antara pihak yang terlibat. Mereka

cuba menjangkakan perkara yang akan dilakukan orang lain dan seterusnya cuba menyesuaikan tindakan supaya selaras dengan tindakan orang itu.

Antonucci (1985) mengatakan suatu jaringan hubungan sosial mengandungi titik-titik dan ikatan yang menghubungkan dua titik, yang bererti menghubungkan dua individu yang saling berhubungan. Oleh itu, jaringan hubungan sosial terdiri daripada individu ataupun kumpulan individu dan dalam konteks warga tua, individu ini penting untuk menyediakan sokongan. Oleh yang demikian, individu yang saling berhubungan, berinteraksi dan saling bertukar sokongan termasuk dalam suatu jaringan hubungan sosial. Dalam konteks ini Walker et al. (1977) mendefinisikan jaringan hubungan sosial sebagai suatu kumpulan manusia yang saling berhubungan yang membolehkan seseorang individu mempertahankan identiti sosial dan menerima sokongan. Salah satu sumber hubungan sosial warga tua ialah ahli pasangannya.

Luas atau tidak hubungan sosial warga tua ditentukan oleh jumlah jaringan hubungan warga tua yang ada. Jaringan hubungan boleh dikira berdasarkan jumlah individu yang selalu berhubung, sama ada pasangan, anak, sanak saudara, jiran ataupun kawan-kawan, bahkan dengan sesiapa sahaja yang dianggap penting atau akrab dengan warga tua itu sendiri. Apabila mencapai usia tua, banyak antara jaringan ini akan berkurangan, dengan itu hubungan sosial antara warga tua dengan pasangannya akan menjadi semakin penting. Walaupun hubungan sosial boleh terjadi antara individu dengan anak-anaknya, ahli keluarga, sanak saudara, kawan-kawan ataupun jiran tetangga, tetapi pada peringkat tua, hubungan sosial dengan pasangan dilihat sebagai lebih penting.

Dalam konteks warga tua, hubungan sosial dengan pasangannya adalah amat penting kepada perilaku, sikap, nilai serta penyesuaian diri warga tua itu sendiri. Warga tua yang masih mempunyai pasangan pada umumnya mempunyai tahap penyesuaian diri yang lebih tinggi. Kajian-kajian yang menganalisis hubungan antara warga tua dengan pasangan, khususnya terhadap perkaitan antara status perkahwinan dengan kebahagiaan di luar negara, terutama di Amerika Syarikat, menunjukkan warga tua yang mempunyai pasangan mempunyai tahap kebahagiaan yang lebih tinggi (Starck & Eshleman, 1998). Perkara ini kerana hubungan sosial adalah amat penting dalam mewujudkan kebahagiaan dan pasangan ialah sumber hubungan sosial yang penting pada peringkat tua disebabkan keterbatasan pergerakan warga tua untuk menjangkau hubungan sosial dengan sumber lain.

Kawasan Kajian dan Metodologi

Untuk menganalisis hubungan warga tua dengan pasangan mereka secara lebih dekat perbincangan dalam kertas ini berasaskan data yang diambil daripada satu kajian yang dilakukan di kawasan pedesaan negeri Kelantan akhir 1990-an.

Untuk mengenal pasti perubahan dan kesinambungan kehidupan warga tua di kawasan kajian, pemerhatian terus dilakukan antara tahun 2000–2005. Kajian ini bertujuan memilih daerah Limbongan sebagai kawasan kajian.

Daerah ini terletak di dalam jajahan Pasir Puteh, di negeri Kelantan. Jajahan Pasir Puteh yang mempunyai keluasan kira-kira 433.8 kilometer persegi, merupakan jajahan kelima terbesar daripada 10 jajahan di negeri itu. Dengan kedudukannya di antara garis lintang $50^{\circ} 44' \text{U}$ – $50^{\circ} 50' \text{U}$ dan garis bujur $102^{\circ} 18' \text{T}$ – $102^{\circ} 26' \text{T}$, jajahan Pasir Puteh terletak kira-kira 41 km ke arah tenggara dari Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Jajahan ini bersempadankan jajahan Bachok dan Kota Bharu di utara, Macang di sebelah barat dan Besut serta di negeri Terengganu pada bahagian selatan. Daerah Limbongan, yang terletak dalam jajahan Pasir Puteh, dengan keluasan 16.217 km persegi, mempunyai enam mukim, iaitu Mukim Pengkalan, Mukim Alor Pasir, Mukim Gong Chapa, Mukim Tok Adam, Mukim Wakaf Bunut dan Mukim Bandar.

Berdasarkan banci daerah Limbongan mempunyai 14,464 orang penduduk. Daripada jumlah tersebut, 6,835 orang (47%) lelaki dan 7,619 orang (53%) perempuan. Jumlah ini ialah 15% daripada penduduk jajahan Pasir Puteh pada tahun yang sama yang berjumlah 96,348 orang. Dari segi, taburan kesemua mukim menunjukkan taburan yang hampir sekata. Walau bagaimanapun, seramai 8,664 orang atau 60% penduduk bertumpu di Mukim Bandar menjadikan mukim ini sebagai mukim yang mempunyai penduduk paling banyak. Tingginya bilangan penduduk yang mendiami Mukim Bandar ada kaitannya dengan status mukim tersebut sebagai pusat bandar dan pusat pentadbiran bagi jajahan Pasir Puteh. Di Mukim Bandar, terdapat pelbagai kemudahan awam yang penting seperti sekolah menengah, pusat kesihatan dan klinik swasta, pejabat pos, bank dan perpustakaan awam, yang menarik minat penduduk untuk bertumpu di mukim tersebut. Faktor lokasi dan jarak juga memainkan peranan penting yang menyebabkan penduduk banyak bertumpu di Mukim Bandar. Mukim Bandar merupakan tempat persinggahan lalu lintas dari Kota Bharu ataupun tempat lain di negeri Kelantan yang ingin menuju Kuala Lumpur ataupun ke Pulau Perhentian. Mukim yang lain pula umumnya agak ke pedalaman dan mempunyai darjah kesampaian ke bandar seperti Kota Bharu, Kuala Besut dan Pulau Perhentian mahupun Jertih yang agak rendah.

Responden kajian ialah warga tua Melayu yang berumur 60 tahun dan lebih yang tinggal di daerah Limbongan, Kelantan. Penduduk yang berumur 60 tahun dan lebih dipilih untuk kajian ini kerana memenuhi definisi sebagai warga tua. Pengumpulan data kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah. Jumlah responden pula berjumlah 214 orang yang merupakan 20% daripada keluarga yang mempunyai warga tua di daerah Limbongan. Penentuan 20% daripada semua keluarga yang mempunyai warga tua dibuat berdasarkan jumlah sebanyak itu dianggap mewakili populasi (Rohana Yusof, 2004).

Jumlah sampel yang besar tidak diperlukan untuk menyelidik populasi yang homogen (Downie & Starry, 1977).

Hasil Kajian dan Perbincangan

Ciri-Ciri Sosial Responden

Ciri warga tua responden ditunjukkan dalam Jadual 3. Dalam masyarakat, selalunya jumlah warga tua perempuan lebih banyak berbanding lelaki. Fenomena penuaan seperti ini merupakan fenomena global disebabkan jangka hayat perempuan yang lebih panjang. Sebahagian besar responden ialah warga tua lelaki, dengan lebih separuh berumur 69 tahun dan kurang. Sebahagian besar mereka berkahwin. Ada sebahagian yang agak besar juga warga tua yang berstatus balu/duda akibat kematian pasangan.

Jadual 3

Taburan Warga Tua mengikut Ciri Latar Belakang

Ciri Latar Belakang	Jumlah	Peratus
Jantina		
Lelaki	131	61.2
Perempuan	83	38.8
Umur		
Tua Awal (60-64 tahun)	83	38.8
Tua Pertengahan (65-69 tahun)	43	20.1
Tua Benar (70-74 tahun)	47	22.0
Tua Bangka (75 tahun dan Lebih)	41	19.1
Status Perkahwinan		
Berkahwin	143	66.8
Berceraai	4	1.9
Balu/duda	64	29.9
Bujang	3	1.4
Tempoh Perkahwinan		
Baru	13	9.0
Lama	130	91.0
Jumlah Anak		
Ada	208	97.2
Tiada	6	2.8

(sambungan)

Ciri Latar Belakang	Jumlah	Peratus
Pendidikan		
Sekolah	91	42.5
Tidak	123	57.5
Pekerjaan		
Kerja	88	41.1
Tidak	126	58.9
Jumlah	214	100.0

Bagi mereka yang berkahwin secara umumnya, sudah berumahtangga melebihi 30 tahun. Warga tua yang melaporkan masih baru berumahtangga ialah mereka yang mendirikan perkahwinan kali kedua selepas kematian pasangan pertama. Mereka ini ialah warga tua lelaki yang kematian isteri. Tidak banyak warga tua yang tidak mempunyai anak. Jumlah mereka yang bersekolah dan tidak bersekolah adalah hampir sama, ada antara mereka yang masih bekerja walaupun kebanyakannya sudah melaporkan tidak lagi bekerja. Kebanyakan warga tua tidak bekerja disebabkan kesihatan yang tidak mengizinkan. Bagi warga tua yang bekerja pula kebanyakannya adalah untuk menampung kehidupan. Mereka ini terpaksa terus bekerja disebabkan tidak mempunyai sumber pendapatan lain yang boleh menyokong kehidupan mereka.

Hubungan Warga Tua dengan Pasangan

Bentuk Hubungan

Salah satu pendekatan untuk menganalisis bentuk hubungan antara warga tua dengan pasangan adalah dengan menganalisis kerjasama mereka dalam pembahagian tugas rumah tangga. Perbincangan tentang peranan atau pembahagian tugas ditumpukan kepada lima jenis tugas harian utama, iaitu kerja-kerja di luar rumah, kerja di dalam rumah, memegang duit belanja, membuat keputusan membeli barangan serta membuat keputusan penting keluarga.

Perbincangan tentang peranan ini berdasarkan pandangan responden tentang siapakah sepatutnya, sama ada suami, isteri, ataupun suami dan isteri, yang bertanggungjawab terhadap tugas-tugas tersebut? Ada kecenderungan daripada responden untuk menunjukkan kerja-kerja di luar rumah ialah tanggungjawab suami, sementara kerja-kerja di dalam rumah merupakan tanggungjawab isteri. Responden lebih cenderung menganggap memegang duit belanja merupakan tugas isteri, sementara ada sebilangan yang agak besar juga menganggapnya sebagai tugas bersama antara suami isteri.

Membuat keputusan membeli sesuatu barangan untuk keperluan harian dianggap tanggungjawab isteri. Sesuatu yang agak menarik ialah, lebih separuh daripada responden yang berasaskan keputusan penting keluarga merupakan tugas bersama yang tidak boleh dibuat oleh hanya satu-satu pihak sahaja. Perkara ini menggambarkan semangat kerjasama antara mereka adalah tinggi (Jadual 4).

Jadual 4

Taburan Peratusan Responden mengikut Pembahagian Tugas Suami Isteri di Daerah Limbongan

Tugas	Suami	Isteri	Suami + Isteri
Kerja di luar rumah	69.2	4.2	26.6
Kerja dalam rumah	2.8	79.7	17.5
Memegang duit belanja	22.4	46.2	31.5
Keputusan membeli	16.8	27.3	55.9
Keputusan penting	37.8	3.5	58.7

Dalam kalangan keluarga Melayu di kawasan kajian, sama seperti keluarga Melayu di tempat lain, terdapat pengkhususan dalam pembahagian tugas berdasarkan faktor jantina. Seorang suami selalunya bertanggungjawab terhadap kerja-kerja yang banyak menggunakan tenaga fizikal, termasuk tugasnya dalam bidang ekonomi di luar rumah. Al 'Ati (1985) mengatakan tugas seorang suami ialah sebagai pencari nafkah, sesuai dengan anjuran agama Islam supaya suami memenuhi keperluan keluarganya, seperti tempat tinggal yang sesuai, pakaian, makanan, serta perbelanjaan yang diperlukan. Mencari nafkah atau memenuhi keperluan ekonomi keluarga melibatkan kerja-kerja di luar rumah. Jika ada isteri yang sanggup bekerja di luar rumah, ia dianggap sebagai membantu suami dan bukan satu kewajipan baginya.

Satu contoh hasil kajian berkaitan pembahagian tugas dalam bidang ekonomi yang pernah dibuat terhadap masyarakat Melayu luar bandar untuk perbandingan adalah melalui Kim (1982). Walaupun pembahagian tugas ini berbeza dengan pembahagian tugas dalam kajian ini, tetapi persoalan utama kajian tersebut ialah cuba menunjukkan adanya pembahagian tugas antara suami dengan isteri. Kim (1982) yang mengkaji peranan kaum lelaki dan wanita dalam bidang ekonomi di rancangan Kemubu, Kelantan, mendapati kegiatan yang biasa dilakukan oleh kaum lelaki ialah kerja yang banyak menggunakan tenaga fizikal, seperti menanam (77%), membanting padi (76%), membajak sawah (96%), mengangkut (86%), dan memasarkan hasil (82%). Wanita pula membantu kaum lelaki dengan melakukan kerja yang tidak banyak menggunakan tenaga fizikal, seperti mencabut anak semaian (95%), menampi (78%), menjemur (74%) dan menabur padi (71%).

Dalam konteks masyarakat di kawasan kajian, nafkah ialah tanggungjawab suami kerana sebahagian besar responden berpendapat kerja di luar rumah ialah tugas suami (62.9%). Bagi warga tua yang masih boleh bekerja, mereka akan terus bekerja selagi terdaya. Namun apabila ibu bapa sudah tua, nafkah keluarga menjadi tanggungjawab anak lelaki. Warga tua pada umumnya tidak lagi bekerja. Bagi yang sudah terbiasa dengan masjid, kegiatan harian mereka ialah berulang alik ke masjid.

Warga tua yang mempunyai kesedaran agama, cuba menghabiskan masa seharian bersama pasangan di masjid atau di surau. Perkara ini menjadi salah satu kepercayaan asas mereka bagi melepaskan segala tanggungjawab mencari nafkah dan ingin melakukan ibadah dengan sebaik dan sebanyak mungkin terutama pada peringkat akhir kehidupan, “agar dapat mati dalam keadaan beriman dan diredai Allah, bukannya mati dalam keadaan tidak beriman dan tidak diredai Allah”, kata seorang warga tua. Jadi pada masa tua inilah mereka akan memberikan tumpuan sepenuhnya untuk beribadah.

Bagi warga tua seperti ini, tugas seharian mereka diserahkan kepada anak lelaki yang belum berkahwin, sama ada yang tinggal serumah, ataupun tidak. Anak lelaki yang belum berkahwin selalunya masih mempunyai ikatan emosi yang kuat dengan ibu bapa mereka. Walaupun tidak tinggal bersama, mereka sering pulang ke kampung untuk melihat keadaan ibu bapa. Anak perempuan bujang yang sudah bekerja juga banyak memberikan sumbangan, terutama untuk melengkapkan keperluan dapur. Kerja-kerja di dalam rumah pula, menjadi tanggungjawab isteri. Tugas seorang isteri, pada asasnya ialah berkaitan urusan dalam rumah tangga, serta kerja yang tidak melibatkan penggunaan banyak tenaga fizikal. Kebanyakan warga tua berpendapat tanggungjawab seorang isteri ialah menjadi pengurus, membantu suami mengurus rumah tangga. Keadaan ini, menurut mereka, sesuai dengan keadaan fizikal wanita yang dijadikan lebih lemah daripada lelaki.

Bagi warga tua perempuan adakalanya semakin tua mereka akan semakin sibuk. Hal ini kerana pada masa mereka mencapai umur tua, kebanyakan anak-anak mereka sudahpun berumah tangga. Anak-anak yang sudah berumah tangga ini selalunya menyerahkan tanggungjawab menjaga anak-anak kecil kepada ibu bapa semasa mereka keluar bekerja. Anak-anak mereka tidak dihantar kepada pengasuh bagi menjimatkan kos. Salah seorang anak kepada responden yang ditemui menyatakan mereka menyuruh ibu mereka menjaga anak-anak mereka kerana kos yang terpaksa dibayar kepada pengasuh adalah agak mahal. Mereka tidak perlu mengeluarkan sebarang kos jika anak-anak dijaga oleh ibu bapa.

Tugas seperti memegang duit belanja, membuat keputusan membeli barangan, ataupun membuat keputusan penting keluarga selalunya dianggap

oleh ramai responden sebagai tugas yang perlu dipikul bersama. Tugas seperti ini tidak melibatkan penggunaan tenaga fizikal, dan boleh dilakukan secara bersama atau atas persetujuan bersama. Pasangan yang mempunyai semangat kerjasama akan melakukan banyak tugas secara bersama. Keadaan ini menggambarkan kuatnya hubungan dan kerjasama yang terjalin antara warga tua dengan pasangan di kawasan kajian. Satu ciri yang menonjol yang dapat diperhatikan melalui Jadual 4 ialah besarnya jumlah responden yang melaporkan kebanyakan tugas yang ditanyakan kepada mereka merupakan tugas bersama antara suami dengan isteri. Bagi tugas membuat keputusan penting umpamanya, terdapat 58.7% daripada responden yang mengatakan tugas tersebut ialah tugas bersama. Responden juga bersetuju kebanyakan tugas lain juga perlu dilakukan bersama.

Dalam konteks masyarakat Melayu di Limbongan, melakukan tugas secara bersama antara suami dengan isteri bukan suatu perkara luar biasa. Seperti yang dapat diperhatikan, suami, sebagai ketua keluarga, selalunya bekerja dengan ahli keluarga, dan bukannya sekadar bekerja untuk ahli keluarga. Wanita pula merupakan penyumbang utama kepada sektor ekonomi di kawasan kajian. Di Limbongan ini seperti juga di tempat lain di Kelantan, sejak dahulu lagi, wanita, mempunyai kebebasan bekerja di luar rumah, terlibat dalam sektor perniagaan tidak formal di pasar, sama ada untuk membantu menambahkan kewangan, ataupun sebagai sumber utama kewangan keluarga.

Daripada pemerhatian secara kualitatif, hubungan konflik atau persaingan antara warga tua dengan pasangan, adalah tidak begitu ketara. Kebanyakan warga tua, umumnya tidak banyak bersaing dalam membuat sesuatu keputusan. Setiap keputusan yang dibuat, dapat dikatakan sebagai keputusan bersama. Oleh itu, berdasarkan kerja-kerja di kawasan kajian yang dilakukan secara bersama, serta tidak adanya konflik atau persaingan antara warga tua dengan pasangan, maka dapatlah dirumuskan secara umumnya, kehidupan kekeluargaan warga tua, khususnya hubungan suami isteri di kawasan kajian adalah harmoni.

Kualiti Hubungan

Kualiti hubungan merupakan aspek penting yang boleh mempengaruhi keharmonian rumah tangga. Rumah tangga yang harmoni adalah penting bagi warga tua mencapai kesejahteraan. Warga tua yang mempunyai rumah tangga atau hubungan perkahwinan yang harmoni pada umumnya lebih sihat serta mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk hidup lebih lama (Taylor, Keith & Tucker, 1993). Kualiti hubungan diukur menggunakan empat pendekatan subjektif, iaitu melalui keharmonian hubungan, intimasi, keakraban dan persefahaman. Perbincangan tentang kualiti hubungan melibatkan empat aspek ini.

(a) Keharmonian Hubungan

Enam pertanyaan dikemukakan kepada responden berdasarkan tanggapan mereka tentang: (1) sejauh mana anda mempercayai pasangan anda? (2) sejauh mana anda mengambil tahu pasangan anda? (3) sejauh mana pasangan anda mempercayai anda? (4) sejauh mana pasangan anda mengambil tahu diri anda? (5) sejauh mana anda boleh bertolak ansur dengan pasangan anda? dan (6) adakah selalu wujud pertelingkahan antara anda dengan pasangan? Responden dikehendaki memilih jawapan daripada empat kategori, sama ada: (1) tiada, (2) sedikit, (3) banyak atau (4) sangat banyak. Berdasarkan jawapan yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa hubungan warga tua dengan pasangan di kawasan kajian adalah memuaskan. Mereka saling percaya mempercayai, saling mengambil tahu, tidak suka mencari kesalahan, (boleh bertolak ansur), serta konflik antara mereka adalah tidak banyak (Jadual 5).

Daripada jadual pernyataan ‘sangat banyak’ menggambarkan keharmonian hubungan yang ‘sangat baik’, ‘banyak’ menggambarkan keharmonian hubungan yang ‘baik’, ‘sedikit’ menggambarkan keharmonian hubungan yang ‘sederhana’, dan ‘tiada’ menggambarkan keharmonian hubungan yang ‘tidak baik’. Analisis secara keseluruhan menunjukkan 39.5% daripada responden mempunyai keharmonian hubungan yang sangat baik dengan pasangan. Responden yang mempunyai keharmonian hubungan yang baik pula berjumlah 56.9%, 3.4% mempunyai keharmonian hubungan yang sederhana, sementara 0.2% mempunyai keharmonian hubungan yang tidak baik.

Jadual 5

Taburan Peratusan Responden mengikut Tanggapan Keharmonian Hubungan dengan Pasangan di Daerah Limbongan

Pernyataan	Tiada	Sedikit	Banyak	Sangat Banyak
Responden mempercayai pasangan	–	2.1	64.3	33.6
Responden ambil tahu pasangan	–	0.7	60.1	39.2
Pasangan mempercayai responden	–	1.4	64.3	34.3
Pasangan ambil tahu responden	–	2.8	58.7	38.5
Boleh bertolak ansur	0.7	7.7	44.1	47.6
Tiada konflik	0.7	5.6	49.7	44.1
Peratus	0.2	3.4	56.9	39.5

Nota. Resp. = Responden; Pas. = Pasangan

Analisis juga menunjukkan hubungan antara responden dengan pasangan adalah baik. Dari aspek percaya mempercayai umpamanya, hampir keseluruhan

pasangan suami isteri warga tua, mempercayai pasangan masing-masing. Terdapat hanya sebilangan kecil responden yang melaporkan mereka tidak mempercayai pasangan. Begitu juga dalam konteks pasangan mempercayai responden, hanya sebahagian kecil pasangan yang tidak mempercayai responden. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa mereka saling mempercayai. Dalam aspek ambil tahu, setiap pasangan mengambil tahu pasangan masing-masing. Bagi dua pernyataan terakhir iaitu sejauh mana pasangan responden boleh bertolak ansur? dan sejauh mana wujudnya konflik? Didapati hampir separuh daripada responden melaporkan pasangan masing-masing boleh bertolak ansur. Begitu juga dengan pernyataan sejauh mana adanya konflik? Hampir separuh responden melaporkan tidak ada konflik antara mereka, bererti tidak banyak responden yang selalu berkonflik dengan pasangan.

(b) Intimasi

Intimasi, berdasarkan Kamus Dewan (DBP., 1993), bererti kemesraan. Oleh itu, intimasi juga ialah aspek penting dalam kualiti hubungan. Intimasi ialah suatu *construct* yang mempunyai banyak dimensi, termasuk kasih sayang, saling mempercayai, tidak mementingkan diri sendiri, atau saling menghormati. Responden diberikan lima pernyataan, iaitu: (1) sejauh mana anda saling menyayangi pasangan anda? (2) sejauh mana anda saling mempercayai pasangan anda? (3) sejauh mana anda saling menerima kritikan pasangan? (4) sejauh mana anda saling menghormati pasangan anda? (5) sejauh mana anda saling tidak mementingkan diri? Untuk menjawab pertanyaan ini responden dikehendaki memilih salah satu jawapan daripada empat kategori, sama ada; sangat setuju, setuju, tidak setuju, atau sangat tidak setuju. Kategori jawapan sama ada; sangat setuju, setuju, tidak setuju, atau sangat tidak setuju, dipadankan dengan tingkat intimasi yang sangat tinggi, tinggi, sederhana, dan tingkat intimasi yang rendah, dan seterusnya tingkat intimasi yang sangat tinggi, tinggi, sederhana, dan rendah, menggambarkan kualiti hubungan yang sangat baik, baik, sederhana, dan tidak baik (Jadual 6).

Jadual 6

Taburan Responden mengikut Tanggapan Intimasi dengan Pasangan di Daerah Limbongan

Pernyataan	Sangat Tidak	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saling menyayangi	45.5	53.8	0.7	—
Saling mempercayai	43.4	55.2	1.4	—

(sambungan)

Pernyataan	Sangat Tidak	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Saling terima kritikan	29.4	58.0	12.3	—
Saling menghormati	39.2	59.4	1.4	—
Tidak mementing diri	39.9	58.0	2.1	—
Peratus	39.5	56.9	3.6	—

Kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan yang diajukan. Hanya sebahagian kecil yang tidak setuju. Ini menunjukkan intimasi antara responden dengan pasangan adalah tinggi. Data menunjukkan 39.5% responden menyatakan mereka sangat bersetuju dan 56.9% menyatakan mereka bersetuju dengan semua pernyataan yang diberikan. Keadaan ini menunjukkan tingkat intimasi yang sangat tinggi dan tinggi wujud antara suami dengan isteri yang dikaji. Hanya 3.6% warga tua yang mempunyai tingkat intimasi yang rendah. Keadaan ini menunjukkan kualiti hubungan antara suami dengan isteri adalah sangat baik.

(c) Keakraban

Kualiti hubungan antara responden dengan pasangan juga dapat diukur melalui keakraban. Keakraban ini diukur berdasarkan tanggapan mereka, iaitu yang berkaitan tahap keakraban responden dengan pasangan. Jawapan kepada keakraban ini dikategorikan kepada empat; iaitu tidak akrab, kurang akrab, akrab dan sangat akrab. Keakraban daripada empat kategori jawapan ini, menggambarkan kualiti hubungan yang sangat baik, baik, sederhana, dan tidak baik (Jadual 7). Data menunjukkan tidak ada pasangan yang mengaku tidak akrab, mahupun kurang akrab. Sebanyak 53.8% melaporkan hubungan mereka adalah akrab, sementara 46.2% lagi sangat akrab. Oleh itu, daripada data tentang keakraban ini dapat dirumuskan bahawa kualiti hubungan yang sangat baik dan baik wujud antara suami dengan isteri warga tua yang dikaji. Dalam hal berkaitan keakraban ini juga, satu lagi pertanyaan diajukan kepada responden, iaitu untuk menganalisis perbezaan keakraban beberapa tahun yang lepas berbanding pada masa kajian.

Apabila ditanya tentang yang manakah lebih akrab hubungannya antara dahulu dibandingkan pada masa kajian, sebahagian besar (68.5%) mengatakan keakraban hubungan mereka adalah lebih kurang sama. Sebilangan kecil warga tua, iaitu 18.9% yang mengatakan hubungan mereka sekarang ini lebih rapat dan 12.6% pula mengatakan dahulu lebih rapat. Keadaan ini juga menggambarkan kualiti hubungan yang tinggi wujud antara mereka. Tahap keakraban yang tinggi wujud antara suami isteri warga tua yang dikaji mungkin berkaitan hubungan yang sudah lama terjalin, lebih-lebih lagi mereka sekarang mencapai umur tua dan sudah melalui pelbagai pengalaman hidup

secara bersama. Tahap keakraban yang tinggi dalam hubungan warga tua suami isteri warga tua juga mungkin disebabkan mereka tidak mempunyai pilihan lain untuk berinteraksi kerana anak-anak sudahpun meninggalkan rumah dan membentuk keluarga sendiri.

Jadual 7

Taburan Responden mengikut Tanggapan Keakraban dengan Pasangan di Daerah Limbongan

Keakraban	Peratus
Sangat Akrab	46.2
Akrab	53.8
Kurang Akrab	–
Tidak Akrab	–
Jumlah	100.0

Akan tetapi dalam masyarakat di kawasan kajian, atau dalam masyarakat Kelantan secara umum, tahap keakraban antara warga tua dengan pasangan jarang ditunjukkan kepada khalayak. Semua orang ada perasaan malu yang tebal di hati untuk menunjukkan mereka saling menyayangi. Dalam kalangan pasangan warga tua itu sendiri, ada perasaan kasih sayang yang tebal antara mereka, tetapi mereka berasa malu kepada anak cucu atau jiran tetangga untuk menonjolkan secara terbuka. Bagi mereka menunjukkan kasih sayang yang berlebihan di hadapan khalayak boleh mendatangkan aib pada mata masyarakat. Mereka akan dikatakan *miang* atau *tak empok*. Ada juga orang yang merujuk kepada warga tua seperti ini sebagai warga tua yang *tak berapa saro* atau yang tidak begitu normal.

Oleh itu, warga tua tidak akan menunjukkan amat menyayangi pasangannya di hadapan orang. Sekiranya mereka ada bersama dalam sesuatu majlis, pasangan suami isteri selalunya membawa diri masing-masing, seolah-olah ada jarak sosial yang menjadi pemisah antara mereka. Panggilan yang menunjukkan perasaan kasih sayang juga, seperti *abang*, apa lagi *sayang*, sama sekali tidak digunakan dan panggilan biasa yang didengar penyelidik di kawasan kajian ialah *ibumu*, *makmu*, *ayahmu*, atau *pakmu*. Hal yang serupa dinyatakan oleh Yaakob Harun (1992) bahawa pasangan suami isteri dalam masyarakat Melayu, supaya tidak mendatangkan aib, akan menampakkan sifat formal antara mereka apabila berada di hadapan orang.

(d) Persefahaman

Persefahaman adalah satu lagi aspek yang perlu dianalisis dalam menganalisis kualiti hubungan antara pasangan. Hal ini kerana persefahaman yang

menggambarkan persetujuan atau kesamaan dalam nilai, kepercayaan atau pendapat, merupakan dimensi penting dalam mengukur sesuatu hubungan kekeluargaan (Bengtson, Orlander & Haddad, 1976). Untuk tujuan pengukuran dalam kajian ini, responden ditanya tentang bagaimana pandangan warga tua tentang masalah apabila sesuatu masalah timbul, berbanding pasangan mereka? Jawapan kepada pertanyaan tersebut, yang menggambarkan tingkat persefahaman mereka, dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu: 1) selalu berbeza; 2) lebih kurang sama; dan 3) selalu sama (Jadual 8).

Jadual 8

Taburan Responden mengikut Tanggapan Persefahaman dengan Pasangan di Daerah Limbongan

Persefahaman	Peratus
Selalu Sama	28.7
Lebih Kurang Sama	68.5
Selalu Berbeza	2.8
Peratus	100.0

Kajian menunjukkan warga tua yang melaporkan pandangan mereka tentang sesuatu masalah selalu berbeza berbanding pandangan pasangan adalah tidak banyak. Hanya empat orang responden (2.8%) yang selalu wujud perbezaan pendapat. Jawapan dalam kategori kedua, iaitu lebih kurang sama, berjumlah 68.5%, sementara jawapan selalu sama pula 28.7% daripada responden yang mempunyai pasangan. Tingkat persefahaman yang selalu berbeza, lebih kurang sama, dan selalu sama, menggambarkan tingkat persefahaman yang rendah, sederhana dan tinggi. Sebahagian besar warga tua menyatakan pandangan mereka lebih kurang sama dengan pasangan, menggambarkan tingkat persefahaman yang sederhana.

Berdasarkan keharmonian hubungan, intimasi, keakraban dan persefahaman antara warga tua seperti yang telah dianalisis dapat dikatakan bahawa kualiti hubungan antara warga tua dengan pasangan di kawasan kajian adalah tinggi. Kalau ada sesuatu masalah mereka berbincang bersama. Apabila pasangan saling percaya, maka menggambarkan suasana rumah tangga warga tua adalah harmoni. Walau bagaimanapun, konflik dalam rumah tangga memang ada. Dalam hubungan suami isteri, konflik tidak dapat dielakkan. Ini diakui sendiri oleh beberapa orang warga tua. Konflik, atau dalam dialek Kelantan, *berbalah*, merupakan asam garam yang boleh menambahkan keharmonian rumah tangga. Rata-rata warga tua percaya bahawa, “sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri”.

Apabila perbalahan selesai, mereka berbaik semula. Mereka saling menyayangi, saling mempercayai, saling boleh menerima kritikan, saling

menghormati dan saling tidak mementingkan diri sendiri. Keadaan ini selaras dengan pendapat kebanyakan responden bahawa semakin lama mereka hidup berpasangan maka akan semakin tinggi kualiti hubungan antara mereka. Pasangan yang sudah berumur, sementalahan yang sudah termasuk dalam kategori warga tua, adalah saling mengharapkan, terutamanya untuk penjagaan. Mereka juga sudah mengenali kesamaan dan perbezaan masing-masing dan kerana sudah lama hidup bersama, mereka sudah berjaya membentuk budaya keluarga sendiri yang boleh meningkatkan lagi kualiti hubungan. Sebab itulah ada responden yang berasa hubungan mereka suami isteri sekarang ini lebih erat dari masa yang lepas.

Penutup

Dengan menggunakan data yang diperoleh daripada temu bual bersemuka terhadap 214 orang warga tua berumur 60 tahun dan lebih di kawasan desa Kelantan, kajian ini menyelidiki bentuk hubungan, keharmonian hubungan, intimasi, keakraban dan persefahaman antara warga tua dengan pasangan. Walaupun terdapat banyak kajian di luar negara yang menganalisis hubungan antara warga tua dengan pasangan tetapi persoalan hubungan antara mereka di Malaysia masih belum meluas. Hasil analisis menunjukkan (a) lebih separuh warga tua berasa keputusan penting keluarga merupakan tugas bersama; kerja di luar rumah ialah tanggungjawab suami, sementara kerja dalam rumah merupakan tanggungjawab isteri; (b) hubungan warga tua dengan pasangan adalah harmoni. Mereka saling mempercayai, saling mengambil tahu, boleh bertolak ansur, serta tidak ada konflik; (c) intimasi antara warga tua dengan pasangan adalah tinggi; (d) sebanyak 53.8% warga tua melaporkan hubungan mereka akrab, dan 46.2% sangat akrab; dan (e) tidak banyak warga tua yang melaporkan tidak wujud persefahaman antara mereka dengan pasangan. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa tahap hubungan sosial antara warga tua dengan pasangan di kawasan kajian adalah akrab. Akan tetapi tahap keakraban ini jarang ditunjukkan kepada khalayak. Warga tua berasa malu kepada anak cucu atau jiran tetangga untuk menonjolkan secara terbuka. Menunjukkan kasih sayang yang berlebihan di hadapan khalayak boleh mendatangkan aib pada mata masyarakat.

Rujukan

- Abd al 'Ati. (1985). *The family structure in Islam*. Indianapolis, Indiana: American Trust Publications.
- Antonucci, T. C. (1985). Personal characteristics, social support and social behavior. Dlm. Robert H. Binstock & Ethel Shanas (Peny.), *Handbook of aging and the social sciences*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Atchley, R. C. (1988). *Aging: Continuity and change*. Belmont, California: Wadsworth.
- Bengtson, V. L., Orlander, E. B., & Haddad, A. A. (1976). The generation gap and aging family members: Towards a conceptual model. Dlm. J.F. Gubrium (Peny.), *Time, roles and self in old age*. New York: Human Sciences.
- DBP. (1993). *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Downie, N. M., & Starry, A. R. (1977). *Descriptive and inferential statistics*. New York: Harper & Row Publishers.
- Jariah, M., Sharifah, A. H., & H. Tengku Aizan. (2006). Perceived income adequacy and health status among older persons in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 18, 2–8.
- Jean, P. (1998). *Warga tua dan penuaan penduduk di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jean. P. (2005). *Aliran penuaan penduduk di Malaysia*. Siri Monograf No. I. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Masitah Mohd. Yatim., & Nazileh Ramli. (1988). *Socio economic consequences of the ageing of population survey 1986: Malaysia country report*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara.
- Myers, G. C. (1990). Demography of aging. Dlm. Binstock & Linda K. George (Peny.), *Handbook of aging and the social sciences* (3rd ed.). California: Academic Press.
- Ng, ST., & Tey, N. P. (2006). Retirement and perceived health status of the urban elderly. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 18, 9–13.
- PBB. (1991). *Sex and age distributions of population*. Department of International Economics and Social Affair: New York.
- Rohana, Yusof. (2004). *Penyelidikan sains sosial*. Bentong: PTS Publications.
- Sharifah Azizah, H., Nurizan, Y., Laily, P., Tengku Aizan, H., Zumilah, Z., Ma'rof, R., SAR Sharifah Norazizan & AS Asnarulkhadi. (2006). Living arrangements of older persons on welfare: Implication on health, economic well-being and life satisfaction. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 18, 26–34.
- Starck, S., & Eshleman, J. R. (1998). Marital status and happiness: A 17-nation study. *Journal of Marriage and the Family* 60 (May), 527–536.
- Taylor, R. J., Keith, V., & Tucker, M. B. (1993). Gender, marital, familial and friendship roles. Dlm. J. Jackson, L. Chatters, & R. J. Taylor (Penyt.), *Black families in America*. Newbury Park: Sage Publications.

- Ting Chew Peh. (1985). *Konsep asas sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Walker, K., Macbride, A., & Vachon, M. (1977). Social support networks and the crisis of bereavement. *Social Science and Medicine*, 11, 35–41.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2006). Fenomena ibu tunggal dan masa depan warga tua desa di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 9, 85–108.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2007). Perubahan demografi dan kajian mengenai warga tua di Malaysia: Sumbangan sarjana tempatan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 10, 23–50.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Zainab Ismail & Che Yusoff Che Mamat. (2003). Penjagaan warga tua dalam budaya Melayu di Malaysia: Kes Masyarakat desa di Kelantan. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 2, 81–103.
- Wan Ibrahim & Zainab Ismail. (2006). Warga tua sebagai sasaran dakwah. Pengalaman di Malaysia dan Indonesia. *Islamiyyat*, 28, 3–27
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Norruzeyati Mohd Nasir & Zainab Ismail. (2008). Gaya hidup warga tua pesisir daerah Kuala Terengganu. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 11, 45–68.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ma'arof Redzuan, Zahid Emby & Abdul Halin Hamid (2009). Kesejahteraan subjektif warga tua di Malaysia: Kes masyarakat desa di Kelantan. *International Journal of Management Studies*, 16(2), Disember, 63– 96.

Wan Ibrahim Wan Ahmad
UUM College of Arts and Sciences
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA
wiwa@uum.edu.my

Zainab Ismail
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 Bangi, Selangor, MALAYSIA
zainab@ukm.my